

DATE: **26 FEBRUARY 2014 (WEDNESDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – RINGAN BEBAN MAJIKAN, AGENSI PEKERJAAN- PG. 4**

berita harian - pg. 4 - 26/2/14

ISU WARGA ASING BAYAR PENUH CAJ HOSPITAL

Ringan beban majikan, agensi pekerjaan

Kuala Lumpur: Langkah mengenakan caj rawatan penuh kepada warga asing disifatkan keputusan tepat untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan negara.

Presiden Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Malaysia (PIKAP), Datuk Raja Zulkepley Dahalan, berkata keputusan itu juga meringankan beban kewangan ditanggung majikan dan agensi pekerjaan yang mengambil pekerja asing yang ada ketika turut disaman apabila majikan tidak mampu membayar kos rawatan tinggi pekerja mereka.

“Caj rendah dikenakan ke atas pekerja asing selama ini sehingga kerajaan menanggung beban RM100 juta setahun, membebaskan rakyat, terutama pembayar cukai. Lebih baik wang diijamatkan itu

digunakan untuk meningkatkan mutu kesihatan rakyat tempatan,” katanya kepada BH.

Beliau yakin caj penuh tidak membebankan pekerja asing kerana mereka diwajibkan mengambil insurans perubatan yang mengenakan premium rendah setiap tahun, malah gaji yang dibayar ma-

jikan juga kini sudah bertambah hingga pekerja asing mampu mengirim jutaan ringgit setiap bulan ke kampung halaman.

Presiden Persatuan Majikan Amah Malaysia (MAMA), Engku Ahmad Fauzi Engku Muhsein, turut menyokong keputusan itu yang disifatkannya baik untuk kewangan negara, selain meringankan beban majikan yang selama ini menanggung kos rawatan untuk pekerja asing, terutama pembantu rumah.

Bagaimanapun, bekas Setiausaha Agung Gabungan

Persatuan-Persatuan Pengusaha Malaysia (FOMCA), Muhamad Shaani Abdullah, berharap kerajaan sepatutnya mengambil berat aspek kesihatan kerana perkhidmatan perubatan adalah satu keperluan dan tiada negara mengizinkan bayaran penuh untuk khidmat itu, walaupun pesakitnya warga asing.

Babitkan semua kategori

Di Kota Kinabalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Suresh Kumar, berkata caj rawatan penuh di hospital dan klinik kerajaan kepada warga asing, membatikan semua kategori, sama ada mereka berada di negara ini secara sah atau haram, profesional dan pemastautin tetap.

“Warga asing berstatus pelarian khususnya di Sabah, secara teorinya turut dikehendaki membayar caj penuh, namun mereka di bawa tanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR) dan kita akan bincang lanjut dengan UNHCR,” katanya selepas melawat Hospital Queen Elizabeth (QE), semalam.

Ralat

Merujuk kepada keterangan gambar ‘Seri Paduka hadir majlis santapan YSB’ pada muka surat lima kelmarin, keterangan gambar itu sepatutnya ‘Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu’adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah berkenaan berangkat ke majlis Santapan Malam Sempena Per-

sidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia Ke-8 di Kuala Lumpur, malam kelmarin. Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan isteri Datin Seri Siti Rubuah Abdul Samad, Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal turut hadir.